

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi mewujudkan polisi yang lebih agresif bagi merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar terutama di negeri pantai timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa komited dalam usaha memperluas liputan rangkaian dan menambahbaik tahap perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat merancakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam sama ada di bandar utama atau di luar bandar. Pelbagai usaha telah dirancang dan sedang dilaksanakan merangkumi peluasan kawasan liputan perkhidmatan pengangkutan awam, pelaksanaan projek-projek atau program pengangkutan awam pelbagai mod dan inisiatif penjimatan kos perjalanan kepada pengguna.
2. Perkhidmatan bas berhenti-henti merupakan salah satu mod pengangkutan yang melengkapkan sistem pengangkutan awam di negara ini. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandar-bandar utama sentiasa ditambah baik, Kerajaan sejak tahun 2015 telah melaksanakan Program *Stage Bus Service Transformation* (SBST) di Kuala Terengganu, Kangar, Seremban, Ipoh dan Johor Bahru. Program SBST juga diperluas ke negeri Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu bermula tahun 2023.
3. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya bagi laluan-laluan di luar bandar terus tersedia, Kerajaan turut menyalurkan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti yang dikenali sebagai *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) kepada pengendali yang layak bagi menampung kos pengendali terlibat. Buat masa ini terdapat lapan (8) pengendali bas berhenti-henti di pantai timur telah diberikan bantuan di bawah program ISBSF.
4. Bagi zon liputan yang lebih kecil atau mempunyai kekangan akses untuk bas bersaiz besar, Kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) yang dilaksanakan secara *proof of concept* (POC) menggunakan kenderaan bersaiz van dan bas mini bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2024.

5. Selain itu, keperluan pengangkutan rakyat di negeri-negeri Pantai Timur juga dititik beratkan terutamanya melalui mod keretapi. Hal ini dibuktikan dengan pembinaan projek rel terbesar di Asia Tenggara iaitu Projek Laluan rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan Selangor, seterusnya mempelbagaikan akses pengangkutan melalui rel dari Pantai Timur ke Pantai Barat. Apabila siap kelak, ECRL akan menghubungkan Kelantan dengan Kuala Lumpur dalam masa 5 jam sahaja. Rakyat Pantai Timur dijangka dapat menikmati kemudahan ini seawal tahun 2027 apabila ia siap pada hujung tahun 2026.

6. Pada masa sama, Kerajaan turut meningkatkan kualiti perkhidmatan tren di landasan sedia ada yang terletak di kawasan pedalaman Pahang dan Kelantan. Kementerian Pengangkutan sedang giat membaikpulih landasan di sepanjang jajaran bagi menambah keselesaan serta meningkatkan perkhidmatan keretapi. Setakat kini, perkembangan Pakej A (Gemas-Mentakab) adalah 89.6%, Pakej B (Jerantut-Gua Musang) telah siap sepenuhnya pada 5 April 2021 manakala Pakej C (Gua Musang-Tumpat) adalah 88.1%.

7. Selain penambahbaikan secara fizikal, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menaiktaraf pengangkutan rel di Pantai Timur setanding dengan kawasan lain di negara ini. Antaranya ialah KTMB telah memperkenalkan penggunaan 10 buah tren *Diesel Multiple Unit* (DMU) yang dilancarkan pada tahun 2021 untuk memodenkan pengangkutan rel, sekaligus memberi keselesaan dan aksesibiliti kepada penduduk di jajaran Pantai Timur. Perkhidmatan tren tersebut meliputi sektor laluan Tumpat-Gua Musang dan Gua Musang-Kuala Lipis. Selain itu, KTMB telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan baharu seperti *Shuttle* Timuran dari Kuala Lipis-Gemas dan *Express* Timuran dari Johor Bahru-Tumpat dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

8. Langkah-langkah yang telah dilaksana dan sedang dalam perancangan Kerajaan ini sudah tentu bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam agar ia menjadi mod pengangkutan pilihan rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar. Melalui projek atau program peluasan liputan rangkaian perkhidmatan rel dan bas yang lebih

NO. SOALAN: 53

menyeluruh, ia sudah tentu akan merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.